

Formula Kilat KSN

Nur Farahanim Binti Rosdi

PISMP BM2 Jun 2018

SINOPSIS

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu murid Tahun 3 dalam menguasai penggunaan kata sendi dalam pembinaan ayat bahasa Melayu. Murid sering melakukan kesalahan dalam membina ayat berpunca daripada pemilihan kata sendi yang salah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meningkatkan penguasaan murid yang mempunyai penguasaan rendah ke atas penggunaan kata sendi nama yang betul dalam sesuatu ayat melalui penggunaan Formula Kilat Kata Sendi Nama (KSN). Aplikasi Formula Kilat KSN merupakan aplikasi pengajaran digital yang direkabentuk dalam bentuk permainan mengingat formula kata sendi nama dalam aspek tatabahasa. Kajian ini melibatkan lima orang peserta kajian daripada tahun tiga serta seorang guru Bahasa Melayu dengan menggunakan aplikasi Formula Kilat KSN. Kaedah pemerhatian, soal selidik dan latihan digunakan dalam pengumpulan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa aplikasi Formula kilat KSN berupaya menyelesaikan masalah penguasaan aspek tatabahasa topik kata sendi nama yang sering menjadi kekeliruan murid dalam pembinaan sesebuah ayat dalam penulisan mahupun secara lisan.

PENGENALAN

Projek Inovasi Formula Kilat KSN merupakan aplikasi pengajaran digital yang direkabentuk dalam bentuk permainan mengingat formula kata sendi nama dalam aspek tatabahasa dengan menggunakan perisian *Articulate Storyline 3*. Perisian ini merupakan salah satu amalan PdPc yang berasaskan teknologi. Kaedah penggunaan aplikasi pengajaran ini memerlukan murid untuk memahami konsep yang diajar, permainan mengingat formula yang menarik dan menjalankan aktiviti pengukuhan bagi menguji pemahaman murid. Perisian ini banyak menggunakan elemen animasi dalam penghasilannya supaya murid-murid lebih tertarik untuk menjalankan aktiviti pembelajaran sambil bermain.

PERNYATAAN MASALAH

Masih ramai murid yang gagal memilih dan mengaplikasikan penggunaan kata sendi dalam pengajaran dan pembelajaran. Masalah utama mengapa murid-murid tidak mampu untuk memilih jawapan yang betul dan tepat dalam soalan pemahaman mengisi tempat kosong dan dalam pembinaan ayat adalah kerana pengetahuan mereka dalam penggunaan kata sendi yang amat terhad. Ini menyebabkan mereka sering melakukan kesalahan dalam penggunaan kata sendi yang betul perlu diatasi dengan melakukan penambahbaikan terhadap kaedah pengajaran.

OBJEKTIF

- a) Meningkatkan tahap kefahaman murid Tahun 3 berkenaan kata sendi nama melalui penggunaan Formula Kilat KSN.
- b) Menarik minat murid untuk mempelajari topik kata sendi nama dalam kalangan murid Tahun 3. Murid berasa lebih seronok kerana berorientasikan murid dengan bahan. Kaedah tidak berorientasikan guru sepenuhnya ini dapat mewujudkan iklim pembelajaran yang dapat memperkembangkan kreativiti murid (Noriati et. al., 2012).
- c) Memudahkan murid mengingat penggunaan kata sendi nama yang betul dalam pembinaan ayat berdasarkan formula yang diberikan.

KEDUDUKAN INOVASI SEBELUM DILAKSANAKAN

Kebanyakan guru hanya menggunakan kaedah konvensional dalam proses pengajaran kerana topik kata sendi nama berada dalam skop kecil dan guru mengambil mudah untuk mengubah cara pengajaran sekaligus membataskan pemberian pembelajaran bermakna dan berkesan buat murid. Menurut Chong (2011), sikap guru sebegini perlu ditransformasi seiring pedagogi masa kini untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan meningkatkan keberhasilan murid melalui pelan tindakan yang menerapkan idea pedagogi yang lebih kreatif.

Justeru, murid sukar untuk mengingat dan mudah keliru untuk menggunakan kata sendi nama yang sesuai berdasarkan konteks ayat yang betul terutamanya dalam pembinaan ayat. Hal ini demikian kerana, murid sering berasa bosan dengan

pembelajaran kerana kurangnya pendekatan efektif yang diambil oleh guru dalam pengajaran. Murid pada era digital kini lebih taksud kepada pembelajaran berliterasikan teknologi maklumat dan komunikasi berbanding *chalk and talk*. Oleh itu, guru harus menukar kaedah dan teknik pengajaran untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan meningkatkan keberhasilan murid yang cemerlang secara holistik (Mok, 2011).

KELEBIHAN INOVASI


Produk yang paling ketara adalah dapat menarik minat murid-murid untuk lebih fokus dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan aplikasi digital berbentuk interaktif dalam pembelajaran topik ini. Hal ini kerana, klip video pengajaran dan animasi yang disertakan dalam projek ini. Pada masa kini murid lebih gemar mempelajari sesuatu dengan menggunakan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Maka, projek ini tentu dapat menarik minat murid untuk menumpukan sepenuhnya dalam pengajaran. Selain itu, projek ini mempunyai bahagian latihan pengukuhan yang memerlukan murid untuk menjawab soalan-soalan yang diberikan selepas pengajaran. Skor positif yang dihasilkan menunjukkan bahawa projek ini berjaya dilaksanakan bagi pengajaran aspek tatabahasa topik kata sendi nama yang sering menjadi kekeliruan murid dalam pembinaan sesebuah ayat dalam penulisan mahupun secara lisan.

Akhir sekali, projek inovasi ini bukan sahaja dapat melengkapkan kekurangan buku teks malah turut membantu pengajaran dan pembelajaran guru dan murid. Hal ini dapat dibuktikan melalui dapatan yang diperolehi semasa menjalankan uji lari di sekolah. Projek dapat diakses dengan mudah dimana sahaja melalui penggunaan kemudahan internet yang cukup. Hal ini kerana, projek ini menggunakan platform *Articulate Storyline 3* yang tidak memerlukan murid memuat turun aplikasi tersebut sebaliknya hanya mengakses menggunakan *link* yang diberikan.


KEJAYAAN INOVASI

Kejayaan dalam menghasilkan inovasi digital iaitu projek “Formula Kilat KNS” ini adalah mampu mewujudkan inovasi dalam persekitaran pembelajaran murid. Ini


selaras dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menekankan para guru mengambil langkah bagi meningkatkan mutu generasi masa depan menerusi internet dengan penciptaan projek-projek yang lebih berinovasi dari segi aspek pembelajaran.



Rajah 1: Muka depan Formula Kilat KSN



Rajah 2: Video pembelajaran Formula Kilat KSN



Rajah 3: Kandungan Formula Kilat KSN